



RAZUAN menunjukkan kelah merah berharga RM250.

## Beli 'raja sungai' harga murah

HM 21/12/24 PG 21

**Jerantut:** Seorang penduduk menganggap dirinya amat bertuah apabila dapat membeli ikan kelah merah yang sukar diperolehi pada harga murah.

Razuan Mat Sah, 62, dari Kampung Bantal, Ulu Tembeling, di sini, berkata dia berasa gembira apabila berjaya membeli ikan dianggap ikan kaya-nagan sekitar RM250 sekor.

Menurutnya, berat 'raja sungai' itu ialah 1.5 kilogram (kg) dan dibeli daripada nelayan sungai dari Kampung Gusai, di sini, pagi semalam.

"Biasanya pada hari biasa, harga ikan kelah merah ialah RM500 untuk 1kg dan harga sebenar ikan itu ialah RM750, malah sukar didapati kerana ikan ini berada di hulu sungai sahaja.

"Namun, ketika musim Monsun Timur Laut (MTL) ini, nelayan sungai sukar ke Jerantut kerana banyak jalan banyak rosak lalu menjualnya kepada penduduk kampung dengan harga murah," katanya.

Menurutnya, ikan ini sedap untuk dimasak asam tempoyak, masak lemak atau dimasak stim kerana banyak isi selain tulangnya besar dan sisiknya pun boleh dimakan.

Katanya, setiap kali mu-sim tengkujuh, Sungai Sepia membawa rezeki kepada nelayan sungai di kawasan Ulu Tembeling kerana banyak ikan dari hulu sungai dibawa arus deras ke kawasan hilir.

"Selain ikan kelah, ne-layan sungai juga sering mendapat pelbagai spe-sies ikan sungai seperti kerai, lampam, baung dan kenerak," katanya.

Sementara itu, nelayan Madin Dali, 60, berkata dia berjaya menaikkan ikan kelah merah di Sungai Sepia, pagi semalam.

"Ikan ini amat tinggi harganya jika dijual di Je-rantut, tetapi sukar untuk ke sana sekarang kerana musim hujan. Justeru, sa-ya jual dengan harga mu-rah berbanding harga pa-saran untuk penduduk kampung," katanya.